

11/06/2003

Cukai korporat turun jika kutipan meningkat

Mohd Azlan Jaffar; Zainab Mohd Yatim

KERAJAAN bersedia menimbang kemungkinan menurunkan kadar cukai korporat yang kini berada pada 28 peratus dalam Bajet 2004 jika ia boleh menyumbang ke arah peningkatan pungutan cukai.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, banyak pihak mencadangkan kadar cukai korporat diturunkan tetapi kerajaan akan mengkaji sama ada langkah itu boleh meningkatkan pendapatan negara.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang media selepas sesi keempat Dialog Bajet 2004 bersama Menteri Besar dan ahli Kelab Penyokong Kerajaan di Kompleks Perbendaharaan di Putrajaya, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan tidak boleh berbelanja lebih dan memungut (cukai) rendah tetapi ada keadaan di mana dengan mengurangkan cukai tertentu, kutipan cukai lain dapat ditingkatkan.

Sehubungan itu Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa bersikap terbuka kepada cadangan yang boleh membantu kerajaan meningkatkan pendapatannya.

"Bagaimanapun, untuk meminta kerajaan memberikan lebih banyak galakan, mengurangkan cukai dan membelanjakan lebih banyak wang untuk infrastruktur, itu tidak boleh dilakukan," katanya.

Mengenai kutipan cukai, Dr Mahathir berkata, pegawai yang diamanahkan untuk tugas itu sudah melaksanakan tanggung jawab mereka dengan baik sejak tiga tahun lalu dan jumlah pungutan cukai dalam negara meningkat ketara kepada RM40 bilion.

Beliau juga berkata, masih ada segelintir pembayar cukai yang ingkar membayar cukai kerana mereka terlepas daripada perhatian pihak berkuasa.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata, kerajaan akan memberi perhatian kepada mereka itu tidak lama lagi.

Mengenai rizab negara, Perdana Menteri berkata, Bank Negara menguruskannya dengan cukup baik sehingga membolehkannya meningkat kepada AS\$36 bilion ketika ini.

"Bagaimanapun, ia bukan bermakna rizab itu ialah dalam dolar Amerika. Mungkin rizab itu meningkat kerana kenaikan nilai euro berbanding dolar (Amerika)," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan meningkatkan rizabnya dalam mata wang euro, Dr Mahathir berkata, terserah kepada Bank negara untuk menguruskan nisbah mata wang bagi rizab itu.

Terdahulu dalam dialog berkenaan, Perdana Menteri berkata, beliau yakin

Malaysia mampu mencatat pertumbuhan ekonomi lebih tinggi daripada 4.5 peratus yang disasarkan jika semua 90 langkah dalam Pakej Strategi Baru yang diumumkan pada 21 Mei lalu berjaya dilaksanakan.

